

NO. SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8401

SOALAN:

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil sehubungan dengan aduan seorang warga Myanmar, Aung Naing Win telah mendakwa telah dianiaya dan didera oleh pegawai Imigresen di KLIA pada bulan Januari tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, nama pengadu telah tersenarai dalam senarai syak Jabatan Imigresen Malaysia dan mengikut prosedur sedia ada, penama telah ditolak kemasukannya ke Malaysia pada 21 Januari 2015.

Berikutan peristiwa tersebut, Bahagian Integriti, Jabatan Imigresen Malaysia telah menerima aduan berkaitan dakwaan yang dibuat oleh pengadu melalui e-mel pada 21 Januari 2015. Seterusnya, siasatan telah dijalankan dan didapati aduan yang dimaksudkan adalah tidak berdasas.